



DOKUMEN TADBIR URUS/ *The Governance* **FAKULTI PERGIGIAN/ *Faculty of Dentistry***



Fakulti Pergigian



Fakulti Pergigian



<http://dentistry.uitm.edu.my/en/>


Hak Cipta Terpelihara | *All Rights Reserved*

© **Bahagian Pentadbiran, Fakulti Pergigian** | *Administration Department*

Edisi 2018 | *2018 Edition*

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Bahagian Pentadbiran, Fakulti Pergigian.

All rights reserved. Reproduction in whole or in part in any form or thru any medium of electronic or mechanic, photocopying or downloaded, disseminated, published or transferred without the express written permission of Administration Department, Faculty of Dentistry is prohibited.



Disusun Semula Oleh | *Compiled By*

Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran | *Deputy Registrar, Administration Department*

Fakulti Pergigian | *Faculty of Dentistry*

Universiti Teknologi MARA

Kampus Sungai Buloh

47000 Sungai Buloh

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel : 03-79622002

Faks : 03-79622006

E-mel : farahzaiti@uitm.edu.my

Web : <http://dentistry.uitm.edu.my/en/>

Berdasarkan | *Based On*

Manual Tadbir Urus UiTM | *UiTM Governance Manual*

Garis Panduan dan Pekeliling UiTM | *UiTM Guideline and Circular*



Assalamualaikum W.B.T

Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia, rahmat serta izin-Nya Fakulti Pergigian telah berjaya menyediakan Dokumen Tadbir Urus Fakulti Pergigian bagi kegunaan pengurusan serta pentadbiran Fakulti Pergigian, hasil garapan dari Manual Tadbir Urus UiTM serta Pekeliling-Pekeliling/Peraturan UiTM berkaitan tadbir urus yang disusun semula untuk memudahkan rujukan seluruh Warga Fakulti Pergigian.

Tadbir urus terbaik merupakan elemen terpenting dalam pengurusan. Pengurusan program/ aktiviti yang tidak jelas akan membangkitkan pelbagai persoalan yang sukar untuk dijawab dan dipertahankan oleh sesebuah institusi.

Tadbir urus pengurusan dan pentadbiran sesebuah fakulti amat signifikan kewujudannya kerana ianya dibentuk di bawah peruntukan Akta 173 (Akta Universiti Teknologi MARA 1976) yang memainkan peranan penting bagi menilai dan mengkaji sesuatu cadangan.

Dokumen Tadbir Urus Fakulti Pergigian ini akan menjadi rujukan rasmi utama Fakulti dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran.

Dokumen ini akan menerangkan secara keseluruhan struktur tadbir urus Fakulti Pergigian dan perinciannya berdasarkan kepada Tadbir Urus UiTM.

Dokumen ini juga akan dijadikan panduan bagi pengurusan dan pentadbiran Fakulti Pergigian bagi setiap fungsi bidang kuasa serta had kuasa pembuatan keputusan yang jelas.

Insyallah, tadbir urus yang tersusun dan terbaik akan dapat memacu setiap warga Fakulti Pergigian ini ke arah pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan yang efektif dan berkesan.

Wassalam



PROFESOR DATO' DR MOHAMED IBRAHIM ABU HASSAN
Dekan, Fakulti Pergigian
Ogos 2018

Pengenalan	1
Pengurusan Eksekutif	5
Pengurusan Hal Ehwal Akademik	37
Pengurusan Hal Ehwal Pelajar	84
Pengurusan Pembangunan, Penyelidikan dan Inovasi, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni dan Keusahawanan	98
Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia	123
Pengurusan Kualiti	146
Pengurusan Infostruktur dan Infrastruktur	176
Lain-Lain	181
Penghargaan	191

BIL	MESYUARAT/ JAWATANKUASA/ PANEL	TANGGUNGJAWAB/ URUSETIA	MUKA SURAT
TADBIR URUS PENGURUSAN EKSEKUTIF			
1	Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)	Bahagian Pentadbiran	9
2	Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)	Bahagian Pentadbiran	10
3	Mesyuarat Staf (<i>DS StaMeet</i>)	Bahagian Pentadbiran	14
4	Mesyuarat Staf Akademik (<i>DS AcadeMeet</i>)	Bahagian Pentadbiran	16
5	Jawatankuasa Pemilik Risiko	Bahagian Pentadbiran	18
6	Jawatankuasa Kecil Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (SOSHCo)	Pejabat Penyelidikan	21
7	Jawatankuasa Komunikasi Korporat dan Media	Bahagian Pentadbiran/ Unit Korporat	25
8	Jawatankuasa Pengurusan Pelanggan	Bahagian Pentadbiran/ Unit Korporat	28
TADBIR URUS PENGURUSAN KEWANGAN			
9	Mesyuarat Kewangan dan Perolehan (MKP)	Bahagian Pentadbiran	31
10	Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti (TAF)	Bahagian Pentadbiran	33
TADBIR URUS PENGURUSAN AKADEMIK			
11	Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)	Bahagian Hal Ehwal Akademik	47
12	Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS)	Bahagian Hal Ehwal Akademik	51
13	Jawatankuasa Kecil Kurikulum Fakulti (JKKF)	Bahagian Hal Ehwal Akademik	55
14	Jawatankuasa Peperiksaan	Bahagian Hal Ehwal Akademik	59
15	Jawatankuasa <i>i-Learn</i>	Bahagian Hal Ehwal Akademik	62
16	Jawatankuasa Promosi Akademik	Bahagian Hal Ehwal Akademik	65
17	Jawatankuasa Kecil OBE-iCGPA	Bahagian Hal Ehwal Akademik	68
18	Jawatankuasa Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PROPENS)	Bahagian Hal Ehwal Akademik	71
19	Jawatankuasa Jadual Waktu Kuliah	Bahagian Hal Ehwal Akademik	74
20	Jawatankuasa Latihan Industri Pelajar	Bahagian Hal Ehwal Akademik	77

BIL	MESYUARAT/ JAWATANKUASA/ PANEL	TANGGUNGJAWAB/ URUSETIA	MUKA SURAT
21	Jawatankuasa <i>Final Year Project (FYP)</i> Pelajar	Bahagian Hal Ehwal Akademik	73
22	Jawatankuasa Tatatertib Akademik Pelajar	Bahagian Hal Ehwal Akademik	81
TADBIR URUS PENGURUSAN PELAJAR			
23	Mesyuarat Kewangan, Aktiviti dan Perkhidmatan Pelajar (MeKAPP)	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	88
24	Jawatankuasa Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar (TAPA)	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	92
25	Jawatankuasa Tatatertib Pelajar	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	96
TADBIR URUS PENGURUSAN PEMBANGUNAN, PENYELIDIKAN DAN INOVASI, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN			
26	Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik (JPMS)	Bahagian Pentadbiran	104
27	Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan Fakulti (JPPF)	Pejabat Penyelidikan	107
28	Jawatankuasa Latihan Profesional	Bahagian Pentadbiran	111
29	Jawatankuasa Penerbitan	Pejabat Penyelidikan	114
30	Jawatankuasa <i>Industry, Community, Alumni and Entrepreneurship Network (ICEAN)</i>	Bahagian Pentadbiran	117
31	Jawatankuasa Penjanaan Pendapatan	Bahagian Pentadbiran	120
TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA			
32	Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	Bahagian Pentadbiran	125
33	Lembaga Temu Duga Perjawatan Akademik dan <i>Mock Teaching</i>	Bahagian Pentadbiran	128
34	Jawatankuasa Kecil Kesepakaran	Bahagian Pentadbiran	130
35	Jawatankuasa Kepakaran	Bahagian Pentadbiran	133
36	Jawatankuasa Pelan Integriti Nasional (PIN)	Bahagian Pentadbiran	136
37	Jawatankuasa Pemantauan <i>PhD Potential</i>	Bahagian Pentadbiran	139
38	Jawatankuasa Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian Staf	Bahagian Pentadbiran	142
TADBIR URUS PENGURUSAN KUALITI			
39	Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK)	Unit Kualiti	150
40	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Unit Kualiti	154
41	Jawatankuasa Anugerah Kualiti Naib Canselor (JAKNC)	Unit Kualiti	157
42	Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JKIK)	Unit Kualiti	160

BIL	MESYUARAT/ JAWATANKUASA/ PANEL	TANGGUNGJAWAB/ URUSETIA	MUKA SURAT
43	Jawatankuasa Akreditasi, <i>Academic Quality Assurance (AQA)</i> , <i>Self Review Portfolio (SRP)</i> Dan <i>Self Review Report (SRR)</i>	Unit Kualiti	163
44	Jawatankuasa QE/ 5S (JQE/5S)	Unit Kualiti	167
45	Jawatankuasa Pasukan Gerakan Kualiti dan Kepimpinan Pelajar (JPGKP)	Unit Kualiti	170
46	Jawatankuasa Audit Dalaman, JPQ	Unit Kualiti	173
TADBIR URUS PENGURUSAN INFOSTRUKTUR DAN INFRASTRUKTUR			
47	Jawatankuasa Teknikal ICT	Unit ICT	177
48	Jawatankuasa Teknikal Peralatan	Unit Fasiliti	179
TADBIR URUS LAIN DI BAWAH PREROGATIF DEKAN			
49	Jawatankuasa Kekitaan/ Kelab Kebajikan Staf	Bahagian Pentadbiran	182
50	Jawatankuasa Pelaporan Tahunan	Bahagian Pentadbiran	185

1.0 PENDAHULUAN

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah melalui proses perkembangan yang progresif dan dinamik. Sejalan dengan peranan yang dimainkan, institusi ini sentiasa responsif dengan keperluan lingkungan semasa yang menjadikan UiTM terus kekal relevan, kompetitif dan mapan. Institusi ini dikenali dengan Dewan Latehan RIDA yang mula beroperasi November 1956 dan telah ditukar nama kepada Maktab MARA pada tahun 1965.

Penubuhannya sebagai Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967 merupakan cetusan idea para pemimpin Malaysia yang mempunyai visi terutamanya mantan Perdana Menteri kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah meletakkan batu asas pembinaan kampus di Shah Alam pada 14 Oktober 1967. Ia merupakan visi Allahyarham Tun untuk menjadikan ITM sebagai katalis bagi menggembeleng ke semua sumber yang ada dan melahirkan serta melipatgandakan jumlah graduan bumiputera yang terlatih dan berkecukupan dalam semua bidang terutama sains dan teknologi.

Justeru, organisasi yang dinamik seperti UiTM perlu sentiasa bersedia menerima perubahan dengan membuat penyesuaian mengikut perubahan dan kehendak semasa. Persediaan dan komitmen menyeluruh daripada semua pihak adalah amat kritikal. Perubahan dalam sesebuah organisasi amat perlu agar organisasi lebih berdaya saing dan terkehadapan.

2.0 TRANSFORMASI UiTM

UiTM telah melalui fasa transformasinya dalam tempoh RMKe-10 (tahun 2011 ke 2015) dan dalam RMKe-11 (2016 sehingga 2020). Transformasi bertujuan supaya UiTM sentiasa bersedia menghadapi persaingan yang lebih dinamik dan seterusnya membuat penciptaan tren dan peneraju era baru. Program transformasi UiTM mencakupi 4 komponen iaitu Organisasi, Bakat, Proses dan Teknologi yang

melibatkan semua peringkat pengurusan universiti secara total termasuk kepimpinan tertinggi UiTM.

Selaras dengan hasrat dasar transformasi negara bagi menuju ke arah status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, UiTM telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan model tadbir urus sejajar dengan transformasi perkhidmatan awam dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT).

Model Tadbir Urus 1 UiTM Multisistem UiTM telah dilancarkan semasa Program Transformasi UiTM oleh Naib Canselor pada 19 Mac 2015, menjelaskan paradigma baru dalam konteks transformasi UiTM menuntut agar tenaga kerja lebih anjal dan fleksibel dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Berpandukan Model Tadbir Urus 1 UiTM Multisistem, struktur tadbir urus Fakulti Pergigian yang dibentuk telah memberi fokus kepada perkara berikut:

- i) Tadbir Urus Eksekutif Fakulti
- ii) Tadbir Urus Kewangan
- iii) Tadbir Urus Akademik
- iv) Tadbir Urus Pengurusan Pelajar
- v) Tadbir Urus Pembangunan, Penyelidikan dan Inovasi
- vi) Tadbir Urus Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
- vii) Tadbir Urus Sumber Manusia
- viii) Tadbir Urus Kualiti

2.1 Penakrifan 1 UiTM Multisistem

Frasa 1 UiTM merujuk kepada 1 Akta, 1 Lembaga Pengarah Universiti, 1 Senat, 1 Falsafah, 1 Misi dan Visi. Manakala, frasa Multisistem di UiTM merujuk kepada institusi tadbir urus yang terbahagi kepada:-

- a. Pejabat Naib Canselor;
- b. Kampus yang berintegrasikan pengajaran dan pembelajaran atau perkhidmatan atau penglibatan masyarakat atau kemampanan; dan
- c. Kampus yang berintegrasikan penyelidikan dan inovasi

Justeru, proses membuat keputusan terbahagi kepada tiga (3) peringkat iaitu:

- a. Peringkat 1 : Strategik (Di peringkat Induk UiTM)
- b. Peringkat 2 : Eksekutif (Di peringkat Induk UiTM)
- c. Peringkat 3 : Operasi (Di peringkat Fakulti/ Kampus Cawangan)

3.0 PERINGKAT MEMBUAT KEPUTUSAN

Peringkat membuat keputusan dan penetapan proses membuat keputusan dibuat berdasarkan kepada kompleksiti keputusan dan skop sesuatu fungsi jawatankuasa. Ini bagi memastikan integriti serta kawalan dalaman yang baik dapat dilaksanakan di samping kemantapan pengurusan risiko.

Pembuatan keputusan mengikut peringkat bertujuan untuk memastikan keputusan yang melibatkan proses di bawah pengurusan berkenaan dibuat dengan tatacara tadbir urus yang baik. Pembuatan keputusan lazimnya dibuat melalui mesyuarat berdasarkan tadbir urus yang telus dan jelas seperti pengisytiharan kepentingan oleh ahli, perbincangan dan keputusan berasaskan fungsi dan skop tugas yang ditetapkan. Peringkat pembuatan keputusan terdiri daripada tiga (3) peringkat iaitu di peringkat strategik, eksekutif dan operasi dijelaskan seperti berikut:-

(i) Peringkat 1 – Strategik

Jawatankuasa Peringkat Strategik ini menggunakan nomenklatur Majlis melainkan bagi jawatankuasa yang telah dinyatakan di dalam Akta seperti:

- a. Lembaga Pengarah Universiti (nama yang telah ditetapkan di dalam Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- b. Senat (nama yang telah ditetapkan di dalam Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- c. Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Tetap Kewangan (nama yang telah ditetapkan di dalam Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- d. Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (nama dinyatakan dalam Akta Badan-badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

(ii) Peringkat 2 – Eksekutif

Jawatankuasa Peringkat Eksekutif menggunakan nomenklatur Jawatankuasa Induk di Kampus Induk UiTM.

(iii) Peringkat 3 – Operasi

Jawatankuasa Peringkat Operasi menggunakan nomenklatur Jawatankuasa melainkan Panel Pembangunan Sumber Manusia yang ditetapkan oleh agensi pusat. Fakulti Pergigian berada di dalam peringkat ini.

Pemantapan tadbir urus UiTM ini adalah selaras dengan 10 Lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT) iaitu Lonjakan ke-6 (Pemantapan Tadbir Urus) bagi memastikan ia selari dengan lonjakan PPPM (PT), pemetaan telah diselaraskan dengan Program Transformasi UiTM. Tadbir urus UiTM akan dapat menghasilkan:

- a. Struktur tadbir urus yang mantap
- b. Penggunaan sumber manusia yang optimum
- c. Penyusunan semula jabatan (mengurangkan pertindihan fungsi)
- d. Penurunan had kuasa (mempercepatkan pembuatan dan pelaksanaan keputusan)
- e. Meningkatkan keberkesanan aliran komunikasi di antara pusat pentadbiran di Pejabat Naib Canselor, UiTM negeri dan fakulti.

1.0 PENDAHULUAN

Seksyen 8 (2)(3), Universiti Teknologi MARA Akta 1976 (Akta 173) memperuntukkan *"A School or Centre shall be headed by a person to be appointed by the Vice-Chancellor"* dan *"The head of a School or Centre shall be responsible to the Vice-Chancellor and shall perform such duties as may be assigned to him by the Vice-Chancellor"*. Seksyen 16 (1)(2) juga memperuntukkan Dekan menganggotai Senat UiTM.

Berdasarkan kepada pelantikan dan kuasa yang diberi oleh Naib Canselor serta Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Dekan perlu melaksanakan fungsi-fungsi eksekutif Fakulti bersama-sama dengan ahli-ahli pengurusan tertinggi peringkat Fakulti yang lain.

2.0 PEJABAT DEKAN SEBAGAI EKSEKUTIF PERINGKAT FAKULTI

Pejabat Dekan adalah merupakan eksekutif dan pusat pentadbiran peringkat Fakulti Pergigian seperti butiran berikut:-

- (i) Menempatkan Dekan yang dibantu oleh:-
 - Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Dekan (Pelajar)
 - Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN)
 - Timbalan Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Pentadbiran)
- (ii) Pemegang amanah yang menerajui Fakulti Pergigian bagi memastikan misi, visi dan objektif Universiti tercapai;
- (iii) Pusat pelaksanaan dasar, polisi, dan hala tuju strategik Universiti;
- (iv) Pusat penggubalan hala tuju strategik Fakulti Pergigian;
- (v) Pengawal selia kecemerlangan pengurusan dan aktiviti dari aspek akademik dan belanjawan di peringkat Fakulti Pergigian;
- (vi) Paksi utama antara pentadbiran induk Universiti dan Senat;

- (vii) Pusat pentadbiran sistem dan hal ehwal kakitangan di peringkat Fakulti Pergigian;
- (viii) Pengurus Utama bagi operasi dan penyelenggaraan aset dan hartanah di bawah bidang kuasa Fakulti Pergigian; dan
- (ix) Nadi penggerak bagi sistem berpusat yang mensasarkan kemajuan dan pembangunan Fakulti Pergigian selain pengumpulan dana dan penjanaan pendapatan bagi kemampanan Fakulti Pergigian serta Universiti ini.

3.0 PENGURUSAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif di peringkat Fakulti Pergigian merupakan suatu jawatankuasa di peringkat operasi dalam struktur tadbir urus UiTM yang bertanggungjawab merangka, merancang dan mengesyorkan tindakan dan cadangan penambahbaikan dalam bidang tugas masing-masing bagi perakuan dan kelulusan Majlis Eksekutif Universiti (MEU) atau Senat UiTM untuk dilaksanakan di Fakulti Pergigian.

Pengurusan Eksekutif Fakulti Pergigian ini juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang telah dirancang di peringkat strategik UiTM atau peringkat eksekutif UiTM serta melaporkan pelaksanaan aktiviti tersebut kepada jawatankuasa berkaitan.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) Fakulti Pergigian ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Dekan. Berdasarkan kepada kuasa dan pelantikan Dekan sebagai Pengerusi Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, mesyuarat-mesyuarat penting berikut ditubuhkan bagi memastikan kelancaran pengoperasian dan pentadbiran fakulti berjalan dengan baik:

- i) Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD);
- ii) Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti Pergigian (TAF);
- iii) Mesyuarat Kewangan dan Perolehan (MKP);
- iv) *DS StaMeet* (Mesyuarat Bersama Semua Staf); dan
- v) *DS AcadeMeet* (Mesyuarat Bersama Staf Akademik).

Selain itu, mesyuarat/ jawatankuasa berikut juga ditubuhkan di bawah kuasa dan pelantikan Dekan bagi memastikan kelancaran pengoperasian dan pentadbiran fakulti:

- i) Jawatankuasa Pemilik Risiko;
- ii) Jawatankuasa Kecil Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (SOSHCo);
- iii) Jawatankuasa Komunikasi Korporat dan Media; dan
- iv) Jawatankuasa Pengurusan Pelanggan.

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Ahli-ahli	1. Timbalan Dekan (Klinikal) 2. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) 3. Timbalan Dekan (Pelajar) 4. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN)
	Setiausaha	Timbalan Pendaftar
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran Fakulti
Punca Kuasa		Undang-Undang Malaysia : Akta Institut Teknologi MARA 1976
Penubuhan		01 September 2018
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan
Kuasa Melantik		1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan sebagai Dekan) 2. Pengerusi Ganti, Ahli-Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Melaksanakan fungsi eksekutif Fakulti secara permesyuaratan 2. Memantau dan memastikan pelaksanaan dasar, polisi dan objektif UiTM dan Fakulti 3. Memantau dan memastikan perancangan strategik dan pembangunan Fakulti dilaksanakan mengikut perancangan dan keperluan UiTM dan Fakulti 4. Meluluskan polisi khas dalaman peringkat Fakulti 5. Meluluskan pelantikan dalaman peringkat Fakulti
Risiko Tadbir Urus		1. Salah berkeputusan dan tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 2. Mencemarkan imej Universiti 3. Keputusan tidak konsisten 4. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit 5. Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod
Kekerapan Mesyuarat		Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali (1) setiap bulan atau mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat		Pengerusi dan dua (2) orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat
Agenda Mesyuarat		A. Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Hal Ehwal Klinikal D. Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa E. Hal Ehwal Pelajar F. Hal Ehwal Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN G. Hal Ehwal Pentadbiran dan Kewangan H. Hal-Hal Lain
Peraturan Mesyuarat		1. Pengisytiharan Kepentingan a. Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah

PERKARA	BUTIRAN
	mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. b. Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. 2. Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti • Pengerusi hendaklah Dekan dan tidak boleh diwakilkan/ diganti. • Ahli-Ahli hendaklah sebagaimana yang telah termaktub dan tidak boleh diwakilkan/ diganti. 3. Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). 4. Mesyuarat secara edaran dan maya dilaksanakan untuk perkara yang memerlukan keputusan segera sahaja dan kuorum mesyuarat adalah sama seperti mesyuarat secara fizikal. 5. Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. 6. Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. 7. Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	1. Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) 2. Dasar dan Peraturan UiTM 3. Pekeliling dan Surat Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan Malaysia, Skim Perkhidmatan yang diterima pakai oleh universiti

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Pemangku Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk menguruskan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Timbalan Dekan (Klinikal) 2. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) 3. Timbalan Dekan (Pelajar) 4. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN) 5. Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah 6. Ketua Pusat Pengajian (<i>Comprehensive Care</i>) 7. Ketua Pusat Pengajian (<i>Population Oral Health and Clinical Prevention</i>) 8. Ketua Pusat Pengajian (<i>Paediatric Dentistry and Orthodontics Studies</i>) 9. Ketua Pusat Pengajian (<i>Preclinical Science</i>) 10. Ketua Pusat Pengajian (<i>Periodontology</i>) 11. Ketua Pusat Pengajian (<i>Restorative Dentistry</i>) 12. Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Diagnostics Medicine</i>) 13. Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Surgery</i>) 14. Ketua Unit Implan 15. Ketua Unit Kualiti 16. Koordinator/ Penyelaras Komunikasi Korporat dan Media 17. Koordinator/ Penyelaras Perancangan Strategik 18. Timbalan Bendahari Kanan/ Timbalan Bendahari/ Penolong Bendahari Kanan/ Penolong Bendahari (Pejabat Bendahari) 19. Timbalan Pegawai Sains (Pejabat Penyelidikan) 20. Timbalan Pendaftar (Pentadbiran, Jaringan Industri dan Alumni) 21. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pelajar) 22. Ketua/ Wakil Pejabat Polis Bantuan UiTM Kampus Sungai Buloh 23. Ketua/ Wakil Unit Klinikal 24. Ketua/ Wakil Unit Makmal 25. Ketua/ Wakil Unit ICT/ Infostruktur 26. Ketua/ Wakil Unit Fasiliti/ Infrastruktur 27. Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif 28. Pengerusi Kelab Kebajikan Staf; atau 29. Lain-Lain ahli yang dilantik oleh Dekan
	Setiausaha	1. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Pentadbiran, Jaringan Industri dan Alumni) 2. Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif

PERKARA		BUTIRAN
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran Fakulti
Punca Kuasa		Undang-Undang Malaysia: Akta Institut Teknologi MARA 1976
Penubuhan		01 September 2018
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan
Kuasa Melantik		1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan sebagai Dekan) 2. Pengerusi Ganti, Ahli-Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Melaksanakan fungsi pengurusan dan pentadbiran Fakulti secara permesyuaratan 2. Melaksanakan dasar, polisi dan objektif UiTM dan Fakulti 3. Merancang dan melaksanakan perancangan strategik dan pembangunan Fakulti mengikut perancangan dan keperluan UiTM dan Fakulti 4. Mengesyorkan polisi dalaman pengurusan dan pentadbiran Fakulti untuk diterima pakai di peringkat Fakulti 5. Mengesyorkan pelantikan dalaman peringkat Fakulti 6. Menyelaras segala urusan pentadbiran dan pengurusan Fakulti dengan sistematik dan berkesan 7. Meluluskan penganjuran program/ aktiviti peringkat Fakulti
Risiko Tadbir Urus		1. Salah berkeputusan dan tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 2. Mencemarkan imej Universiti 3. Keputusan tidak konsisten 4. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit 5. Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod
Kekerapan Mesyuarat		Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali (1) setiap bulan
Kuorum Mesyuarat		Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda Mesyuarat		A. Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara Berbangkit C. Pengurusan Pentadbiran - C.1 Pengurusan Sumber Manusia - C.2 Pembangunan Sumber Manusia - C.3 Pengurusan Kenderaan - C.4 Pengurusan Fasiliti/ Infrastruktur - C.5 Pengurusan ICT/ Infostruktur D. Pengurusan Akademik - D.1 Pentadbiran Akademik - D.2 Pentadbiran Peperiksaan E. Pengurusan Klinikal - E.1 Perkhidmatan Klinikal - E.2 Pentadbiran Klinikal F. Pengurusan Pelajar - F.1 Aktiviti dan Perkhidmatan Pelajar - F.2 Kepemimpinan Pelajar

PERKARA	BUTIRAN
	G. Pengurusan Penyelidikan, Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan G.1 Penyelidikan dan Perundingan G.2 Penerbitan G.3 Jaringan Industri dan Komuniti G.4 Alumni G.5 Keusahawanan H. Pengurusan Kewangan I. Pengurusan Komunikasi Korporat dan Media J. Pengurusan Kualiti K. Perancangan Strategik L. Pengurusan Kelab Kebajikan Staf M. Integriti dan Tadbir Urus M.1 Etika dan Sahsia Staf Serta Pelajar M.2 Keterhutangan Staf M.3 Tadbir Urus N. Hal-Hal Lain
Peraturan Mesyuarat	1. Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. - Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. 2. Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekananan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli boleh diwakilkan/ diganti mengikut keperluan dengan kelulusan Pengerusi. 3. Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). 4. Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. 5. Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. 6. Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.

PERKARA	BUTIRAN
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	1. Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) 2. Dasar dan Peraturan UiTM 3. Pekeliling dan Surat Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan Malaysia, Skim Perkhidmatan yang diterima pakai oleh universiti

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Pemangku Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk mempengerusikan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Semua Staf Akademik 2. Semua Staf Pentadbiran
	Setiausaha	Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran Fakulti
Punca Kuasa		Prerogatif Dekan
Penubuhan		01 September 2018
Tempoh Lantikan		Semua Staf Fakulti Secara Automatis Menjadi Ahli Sepanjang Perkhidmatan di Fakulti Berkenaan
Kuasa Melantik		1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan sebagai Dekan) 2. Pengerusi Ganti dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Menyampaikan maklumat berhubung UiTM dan Fakulti serta maklumat lain yang berkaitan 2. Menyampaikan berita tahniah, takziah, pelantikan baharu, pertukaran dan berita-berita lain mengenai staf Fakulti 3. Menyampaikan maklumat mengenai Pelan Perancangan Tahunan Fakulti kepada semua staf untuk diambil tindakan 4. Menyampaikan hasrat Pengurusan Eksekutif kepada semua staf untuk diambil tindakan 5. Membincangkan isu pentadbiran dan pengoperasian Fakulti (dari aspek Klinikal, HEA, HEP, Jaringan Industri, Alumni, Penyelidikan, Pentadbiran, Fasiliti, ICT dan lain-lain berkaitan) serta usaha penambahbaikan.
Risiko Tadbir Urus		1. Salah berkeputusan dan tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 2. Mencemarkan imej Universiti 3. Keputusan tidak konsisten 4. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit
Kekerapan		Perjumpaan diadakan sekurang-kurangnya sekali (1) setiap tahun
Kuorum		Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda		A. Ucapan Aluan Pengerusi A.1 Berita Tahniah A.2 Berita Takziah A.3 Berita Pelantikan Baharu A.4 Berita Pertukaran A.5 Berita Dari Mesyuarat Induk LPU/ MEU/ Senat/ MSM A.6 Berita Dari Mesyuarat Dalaman MPE/ MPD/ JAF/ Lain-Lain

PERKARA	BUTIRAN
	B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Hal Ehwal Klinikal D. Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa E. Hal Ehwal Pelajar F. Hal Ehwal Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni G. Hal Ehwal Pentadbiran H. Hal Ehwal Kewangan I. Hal Ehwal ICT J. Hal Ehwal Fasilitas K. Hal-Hal Lain
Peraturan	- Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. - Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan mesyuarat. - Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekenanan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli boleh diwakilkan/ diganti mengikut keperluan dengan kelulusan Pengerusi. - Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). - Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. - Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. - Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	- Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) - Dasar dan Peraturan UiTM/ Kerajaan Malaysia yang berkuatkuasa

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Pemangku Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk mempengerusikan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Timbalan Dekan (Klinikal) 2. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) 3. Timbalan Dekan (Pelajar) 4. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN) 5. Timbalan Pegawai Sains (Pejabat Penyelidikan) 6. Timbalan Pendaftar 7. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Pentadbiran, Jaringan Industri dan Alumni) 8. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Akademik dan Pelajar) 9. Semua Staf Akademik
	Setiausaha	Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran Fakulti
Punca Kuasa		Prerogatif Dekan
Penubuhan		01 September 2018
Tempoh Lantikan		Semua staf akademik fakulti secara automatis menjadi ahli sepanjang perkhidmatan di fakulti berkenaan
Kuasa Melantik		1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan Sebagai Dekan) 2. Pengerusi Ganti dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Menyampaikan maklumat berhubung UiTM dan Fakulti serta maklumat lain yang berkaitan 2. Menyampaikan berita-berita mengenai staf akademik Fakulti 3. Menyampaikan maklumat mengenai Pelan Perancangan Tahunan Fakulti kepada semua staf akademik untuk diambil tindakan 4. Menyampaikan hasrat Pengurusan Eksekutif kepada semua staf akademik untuk diambil tindakan 5. Membincangkan isu staf akademik dan hal-hal lain yang berkaitan di Fakulti serta usaha penambahbaikan
Risiko Tadbir Urus		1. Salah berkeputusan dan tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 2. Mencemarkan imej Universiti 3. Keputusan tidak konsisten 4. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit
Kekerapan		Perjumpaan diadakan sekurang-kurangnya sekali (1) setiap tahun
Kuorum		Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh

PERKARA	BUTIRAN
Agenda	A. Ucapan Aluan Pengerusi A.1 Berita Dari Mesyuarat Induk LPU/ MEU/ Senat/ MSM A.2 Berita Dari Mesyuarat Dalam MPE/ MPD/ JAF/ Lain-Lain B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Perbincangan Isu Berkaitan Staf Akademik D. Hal-Hal Lain
Peraturan	- Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. - Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. - Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekananan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli boleh diwakilkan/ diganti mengikut keperluan dengan kelulusan Pengerusi. - Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). - Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. - Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. - Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	- Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) - Dasar dan Peraturan UiTM - Pekeliling dan Surat Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan Malaysia, Skim Perkhidmatan yang diterima pakai oleh universiti

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Pemangku Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk menguruskan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Timbalan Dekan (Klinikal) 2. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) 3. Timbalan Dekan (Pelajar) 4. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN) 5. Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah 6. Ketua Pusat Pengajian (<i>Comprehensive Care</i>) 7. Ketua Pusat Pengajian (<i>Population Oral Health and Clinical Prevention</i>) 8. Ketua Pusat Pengajian (<i>Paediatric Dentistry and Orthodontics Studies</i>) 9. Ketua Pusat Pengajian (<i>Preclinical Science</i>) 10. Ketua Pusat Pengajian (<i>Periodontology</i>) 11. Ketua Pusat Pengajian (<i>Restorative Dentistry</i>) 12. Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Diagnostics Medicine</i>) 13. Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Surgery</i>) 14. Ketua Unit Implan 15. Ketua Unit Kualiti 16. Koordinator/ Penyelaras Komunikasi Korporat dan Media 17. Koordinator/ Penyelaras Perancangan Strategik 18. Timbalan Pegawai Sains (Pejabat Penyelidikan) 19. Timbalan Pendaftar 20. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Pentadbiran, Jaringan Industri dan Alumni) 21. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pelajar) 22. Wakil/ Ketua Unit Klinikal 23. Wakil/ Ketua Unit Makmal 24. Wakil/ Ketua Unit Fasilitas 25. Wakil/ Ketua Unit ICT 26. Ahli-Ahli Pasukan <i>Emergency Response Team</i> Fakulti Pergigian 27. Ahli-Ahli lain yang difikirkan relevan oleh Pengerusi
	Setiausaha	1. Penyelaras Pengurusan Risiko yang dilantik 2. Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran Fakulti

PERKARA	BUTIRAN
Punca Kuasa	1. Mesyuarat Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti (MPRSU) Bilangan 1 Tahun 2016, 10 Februari 2016 2. Lembaga Pengarah UiTM Kali Ke-138, 29 Nov 2013
Penubuhan	10 Februari 2016
Tempoh Lantikan	Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan/ 2 tahun
Kuasa Melantik	1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan Sebagai Dekan) 2. Setiausaha dan Ahli-Ahli dilantik oleh Dekan selaku Pengerusi
Kuasa dan Fungsi	1. Mengenalpasti dan mengesahkan risiko-risiko yang dikenalpasti 2. Mengenalpasti dan mengesahkan tahap risiko mengikut keutamaan 3. Mengenalpasti dan mengesahkan langkah kawalan yang dicadangkan untuk dilaksanakan 4. Meluluskan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko 5. Mengesahkan daftar risiko sekurang-kurangnya yang berimpak tinggi
Pelan Tindakan/ Inisiatif Lain	1. Mempromosikan program-program kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja kepada semua staf-staf fakulti 2. Menyedia dan memastikan tempat kerja (pengajaran dan pembelajaran) yang selamat kepada staf dan pelanggan-pelanggan fakulti mengikut Akta Keselamatan dan Pekerjaan 1994 3. Mengadakan aktiviti Latihan Kebakaran/ Pengungsian Bangunan 4. Mengadakan/ menghadiri Bengkel/ Kursus Keselamatan dan Kesihatan 5. Melaksanakan Audit Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 6. Membuat pemeriksaan berkala untuk mengesan hazard dan membuat cadangan pemulihan serta tindakan pembaikan terhadap risiko di tempat kerja 7. Melaporkan hazard dan kemalangan yang berlaku serta menyimpan rekod berkaitan
Risiko Tadbir Urus	1. Salah berkeputusan 2. Tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 3. Mencemarkan imej Universiti 4. Keputusan tidak konsisten 5. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit 6. Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod
Kekerapan Mesyuarat	Mesyuarat diadakan mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat	Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda Mesyuarat	A. Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan D. Risiko Rekod E. Risiko ICT F. Risiko Fizikal G. Pengurusan Bencana/ <i>Emergency Response Team</i> H. Hal-Hal Lain

PERKARA	BUTIRAN
Peraturan Mesyuarat	- Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. - Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. - Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekananan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli boleh diwakilkan/ diganti mengikut keperluan dengan kelulusan Pengerusi. - Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. - Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. - Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	- Pekeliling Naib Canselor Bilangan 01 Tahun 2016: Tadbir Urus Pengurusan Risiko Universiti - Arahan Dasar dan Mekanisma Pengurusan Risiko Universiti, Unit Pengurusan Risiko, 2014 - Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM Kali Ke-138, 29 Nov 2013 - Dokumen Kod Tadbir Urus Terbaik Universiti (UGGI), Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, 2011 <i>Risk Management: Principles and Guidelines</i>, 2010 - Pekeliling dan Surat Pekeliling Jabatan Perdana Menteri – Garis Panduan Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam, 09 Mac 2007 - Pelan Pengurusan Tindakan Kecemasan UiTM

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Pemangku Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk menguruskan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Wakil Majikan (Staf peringkat Penyelia dan ke atas) 2. Wakil Pekerja 3. Ahli-Ahli Pasukan <i>Emergency Response Team</i> Fakulti 4. Lain-Lain staf yang dilantik oleh Pengerusi
	Setiausaha	1. Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Fakulti yang dilantik (Pensyarah atau Pegawai Sains atau Penolong Pendaftar) 2. Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran/ Unit Fasiliti Fakulti
Punca Kuasa		1. Mesyuarat Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti (MPRSU) Bilangan 1 Tahun 2016, 10 Februari 2016 2. Lembaga Pengarah UiTM Kali Ke-138, 29 Nov 2013 3. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHCo) UiTM Cawangan Selangor, 18 Disember 2017
Penubuhan		18 Disember 2017
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan/ 2 tahun
Kuasa Melantik		Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Memastikan keselamatan dan keselamatan pekerja diuruskan dengan efektif. 2. Memastikan staf dan pelajar mengutamakan aspek keselamatan semasa menjalankan aktivitinya di kawasan UiTM. 3. Memastikan peraturan dan akta berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHA) dipatuhi.
Tanggungjawab Lain		1. Memastikan setiap staf sedar, memahami, mematuhi dan mengamalkan polisi keselamatan, kesihatan dan persekitaran. 2. Memastikan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fakulti disediakan dan dikemaskini. 3. Menjalankan program kesedaran latihan keselamatan yang diperlukan seperti <i>First Aid</i> , <i>Fire Drills</i> , dan lain-lain. 4. Memberi nasihat dan maklumat kepada Pegawai KKP Fakulti berkenaan pengurusan hazard dan risiko di tempat kerja. 5. Membantu Pegawai KKP Fakulti untuk mengenalpasti dan mendapatkan sumber-sumber yang sesuai untuk menyelesaikan masalah keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. 6. Menyediakan Pegawai KKP Fakulti dengan maklumat berkenaan perubahan kepada Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Peraturan dan kod tata amalan dan lain-lain perundangan dan piawaian.

PERKARA	BUTIRAN
	- Memohon peruntukan untuk latihan/ kursus untuk Pegawai KKP Fakulti dan lain-lain ahli SOHSCo Fakulti. - Menyediakan laporan bulanan dan tahunan.
Tugas dan Tanggungjawab Dekan Sebagai Pengerusi	- Melantik secara bertulis seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Fakulti serta ahli-ahli SOSHCo yang lain di mana peranannya disenaraikan bersama senarai tugas jawatan staf Fakulti berkenaan. - Bertanggungjawab ke atas pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan mewakili kuasa kepada Pegawai KKP peringkat Fakulti dan lain-lain pegawai untuk mereka memainkan peranan yang ditugaskan dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. - Membentuk Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan jelas, bertulis dan pernyataan polisi ini diedarkan kepada semua staf Fakulti berkenaan serta mempamerkan kenyataan Polisi tersebut termasuk pengenalan Pegawai KKP Fakulti dan ahli-ahli SOSHCo Fakulti. - Berbincang dengan Pegawai KKP Fakulti berkenaan risiko di tempat kerja dan mencadangkan perubahan yang memberi kesan kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Melaksanakan program pengurusan risiko di Fakulti masing-masing di mana tindakan segera yang sesuai perlu diambil apabila berlaku sesuatu kejadian. - Memperuntukkan sumber-sumber kewangan dan fizikal yang mencukupi untuk SOSHCo Fakulti menjalankan strategik plan, mengikuti kursus/ latihan, membeli alat perlindungan diri, dan lain-lain aktiviti Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Fakulti berkenaan. - Mengarahkan Pegawai KKP Fakulti bertindak untuk memastikan kes-kes kemalangan, penyakit dan laporan keselamatan direkodkan serta membuat siasatan terhadap kecederaan, kemalangan dan penyakit yang berlaku untuk mencari sebab-sebab kejadian dan mengambil langkah-langkah pencegahan.
Tugas dan Tanggungjawab Pegawai KKP Fakulti	- Bertanggungjawab kepada Dekan Fakulti tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Fakulti dengan mematuhi Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan dan lain-lain perundangan/ peraturan yang berkaitan. - Memastikan semua mesin dan peralatan di tempat kerja/ makmal/ bengkel diperiksa dan diuji sehingga mencapai kehendak peraturan keselamatan dan kesihatan yang berkaitan. - Memastikan peralatan perlindungan diri digunakan di tempat kerja/ makmal/ bengkel dan disenggara mengikut peraturan dan bahan-bahan berbahaya disimpan di tempat yang betul dan selamat. - Mengenalpasti dan melaporkan hazard, keadaan tempat kerja dan amalan kerja yang tidak selamat yang berlaku di tempat kerja/ makmal/ bengkel dan mencadangkan langkah-langkah kawalan yang perlu kepada Dekan dan SOSHCo Fakulti.

PERKARA	BUTIRAN
	5. Mengenalpasti dan mengawas program latihan dalam bidang Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan khusus yang berkaitan dengan peralatan/ mesin dan sistem bekerja. 6. Bertindak sebagai Setiausaha kepada SOSHCo Fakulti dengan mengadakan mesyuarat SOSHCo Fakulti setiap tiga (3) bulan sekali. Notis panggilan mesyuarat mesti dikeluarkan satu (1) minggu sebelum tarikh mesyuarat. Setiap minit mesyuarat mestilah difailkan dan diambil tindakan sewajarnya. 7. Menyiasat dan menyemak kes kemalangan, kecederaan, penyakit dan kejadian merbahaya yang berlaku di tempat kerja/ makmal/ bengkel, mengenalpasti dan menjalankan tindakan pencegahan. 8. Menyediakan laporan bulanan kepada Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja UiTM dalam minggu pertama setiap bulan yang melaporkan segala aktiviti SOSHCo, kejadian kemalangan, kes kecederaan, penyakit, hazard dan lain-lain yang berlaku di Fakulti. 9. Mengenalpasti hazard kimia dan biologi dan menyiasat masalah kebersihan bangunan kesihatan dan penyakit pekerjaan seperti wabak denggi dan lain-lain.
Pelan Tindakan/ Inisiatif Lain	1. Mempromosikan program-program kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja kepada semua staf-staf fakulti 2. Menyedia dan memastikan tempat kerja (pengajaran dan pembelajaran) yang selamat kepada staf dan pelanggan-pelanggan fakulti mengikut Akta Keselamatan dan Pekerjaan 1994 3. Mengadakan aktiviti Latihan Kebakaran/ Pengungsian Bangunan 4. Mengadakan/ menghadiri Bengkel/ Kursus Keselamatan dan Kesihatan 5. Melaksanakan Audit Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 6. Membuat pemeriksaan berkala untuk mengesan hazard dan membuat cadangan pemulihan serta tindakan pembaikan terhadap risiko di tempat kerja 7. Melaporkan hazard dan kemalangan yang berlaku serta menyimpan rekod berkaitan
Risiko Tadbir Urus	1. Salah berkeputusan 2. Tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 3. Mencemarkan imej Universiti 4. Keputusan tidak konsisten 5. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit 6. Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod
Kekerapan Mesyuarat	Mesyuarat diadakan mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat	Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda Mesyuarat	A. Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan D. Pengurusan Bencana/ <i>Emergency Response Team</i> E. Hal-Hal Lain

PERKARA	BUTIRAN
Peraturan Mesyuarat	1. Pengisytiharan Kepentingan • Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. • Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. 2. Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti • Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekananan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. • Ahli-Ahli tidak boleh diwakilkan/ diganti. 3. Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. 4. Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. 5. Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	1. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 01 Tahun 2016: Tadbir Urus Pengurusan Risiko Universiti 2. Arahan Dasar dan Mekanisma Pengurusan Risiko Universiti, Unit Pengurusan Risiko, 2014 3. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM Kali Ke-138, 29 Nov 2013 4. Dokumen Kod Tadbir Urus Terbaik Universiti (UGGI), Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, 2011 5. <i>Risk Management: Principles and Guidelines</i>, 2010 6. Pekeliling dan Surat Pekeliling Jabatan Perdana Menteri – Garis Panduan Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam, 09 Mac 2007 7. Pelan Pengurusan Tindakan Kecemasan UiTM 8. Manual OSHA

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Koordinator/ Penyelaras Komunikasi Korporat dan Media yang dilantik
	Pengerusi Ganti	Mana-mana ahli yang dilantik oleh Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat, dalam ketiadaan Pengerusi
	Ahli-ahli	1. <i>Webmaster</i> Rasmi Fakulti yang dilantik 2. Ketua Penerbitan Korporat yang dilantik 3. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah 4. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Comprehensive Care</i>) 5. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Population Oral Health and Clinical Prevention</i>) 6. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Paediatric Dentistry and Orthodontics Studies</i>) 7. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Preclinical Science</i>) 8. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Periodontology</i>) 9. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Restorative Dentistry</i>) 10. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Diagnostics Medicine</i>) 11. Wakil/ Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Surgery</i>) 12. Timbalan Pegawai Sains (Pejabat Penyelidikan) 13. Timbalan Pendaftar 14. Wakil/ Ketua Unit Klinikal/ Makmal 15. Wakil/ Ketua Unit IT/ Infostruktur 16. Wakil/ Ketua Unit Fasiliti/ Infrastruktur; atau 17. Ahli-ahli lain yang dilantik oleh Pengerusi
	Setiausaha	1. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Pentadbiran, Jaringan Industri dan Alumni) 2. Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran/ Unit Komunikasi Korporat dan Media Fakulti
Punca Kuasa		Prerogatif Dekan
Penubuhan		01 September 2018
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan/ 2 tahun
Kuasa Melantik		Pengerusi, Ahli-Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi Pengerusi		Koordinator/ Penyelaras Komunikasi Korporat dan Media sebagai Pengerusi bertanggungjawab sebagai “Pegawai Korporat” peringkat fakulti serta: 1. Bertanggungjawab ke atas pengurusan imej dan identiti fakulti 2. Bertanggungjawab ke atas pengurusan informasi dan penerbitan korporat fakulti 3. Bertanggungjawab ke atas pengurusan acara, media dan perhubungan awam korporat di fakulti 4. Bertanggungjawab ke atas pengurusan khidmat pelanggan korporat

PERKARA	BUTIRAN
	5. Bertanggungjawab ke atas pengurusan penyiaran, rakaman dan multimedia korporat di fakulti 6. Bertanggungjawab ke atas pengurusan grafik, produk dan fotografi korporat di fakulti 7. Bertanggungjawab dalam memastikan sebarang berita yang dihebahkan adalah sahih
Fungsi/ Pelan Tindakan/ Inisiatif Lain	1. Menerangkan kepada umum tentang fakulti seperti sejarah penubuhan, carta organisasi, kelebihan fakulti, program yang ditawarkan dan kelayakan staf 2. Bertanggungjawab melaksanakan hebahan berita rasmi mengenai fakulti, termasuk berita mengenai staf dan pelajar, ucapan tahniah, ucapan takziah dan lain-lain, melalui pelbagai saluran media yang digunakan 3. Menerima dan menguruskan kunjungan pelawat dari organisasi luar 4. Menyelaraskan aktiviti promosi program akademik bersama-sama dengan Jawatankuasa Promosi Akademik 5. Membincang, membuat keputusan, mengurus dan menganalisis: i) Imej dan identiti fakulti; ii) Informasi dan penerbitan; iii) Acara, media dan perhubungan awam; iv) Khidmat pelanggan; v) Penyiaran, rakaman dan multimedia; dan vi) Pengurusan grafik, produk dan fotografi.
Risiko Tadbir Urus	1. Salah berkeputusan/ salah maklumat dihebahkan 2. Tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 3. Mencemarkan imej Universiti 4. Keputusan tidak konsisten 5. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit 6. Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod
Kekerapan Mesyuarat	Mesyuarat diadakan mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat	Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda Mesyuarat	A. Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Pengurusan Imej dan Identiti D. Pengurusan Informasi dan Penerbitan E. Pengurusan Acara, Media dan Perhubungan Awam F. Pengurusan Khidmat Pelanggan G. Pengurusan Penyiaran, Rakaman dan Multimedia H. Pengurusan Grafik, Produk dan Fotografi I. Pengurusan Promosi J. Pengurusan E-Mel, Laman Web dan Media Sosial (<i>Facebook, Instagram, Twitter</i> dan lain-lain) Rasmi Fakulti K. Hal-Hal Lain
Peraturan Mesyuarat	1. Pengisytiharan Kepentingan • Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah

PERKARA	BUTIRAN
	mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. • Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. 2. Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti • Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekananan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. • Ahli-Ahli boleh diwakilkan/ diganti mengikut keperluan dengan kelulusan Pengerusi. 3. Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. 4. Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. 5. Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	Pekeliling yang berkuatkuasa

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Koordinator/ Penyelaras Komunikasi Korporat dan Media yang dilantik
	Pengerusi Ganti	Mana-mana ahli yang dilantik oleh Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat, dalam ketiadaan Pengerusi
	Ahli-ahli	1. Seorang Staf Akademik (<i>Comprehensive Care</i>) 2. Seorang Staf Akademik (<i>Population Oral Health and Clinical Prevention</i>) 3. Seorang Staf Akademik (<i>Paediatric Dentistry and Orthodontics Studies</i>) 4. Seorang Staf Akademik (<i>Preclinical Science</i>) 5. Seorang Staf Akademik (<i>Periodontology</i>) 6. Seorang Staf Akademik (<i>Restorative Dentistry</i>) 7. Seorang Staf Akademik (<i>Oral and Maxillofacial Diagnostics Medicine</i>) 8. Seorang Staf Akademik (<i>Oral and Maxillofacial Surgery</i>) 9. Seorang Staf Pejabat Pentadbiran 10. Seorang Staf Pejabat Penyelidikan 11. Seorang Staf Klinikal 12. Seorang Staf Makmal 13. Seorang Staf Fasiliti/ Infrastruktur 14. Seorang Staf IT/ Infostruktur; atau 15. Ahli-Ahli lain yang dilantik oleh Pengerusi
	Setiausaha	Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran/ Unit Komunikasi Korporat dan Media Fakulti
Punca Kuasa		Prerogatif Dekan
Penubuhan		01 September 2018
Tempoh Lantikan		Lantikan atas penyandang dan mengikut tempoh pelaksanaan projek
Kuasa Melantik		Pengerusi, Ahli-Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Bertanggungjawab kepada Dekan 2. Menyenggara Sistem eAduan Maklumbalas Pelanggan UiTM untuk peringkat fakulti dan mengambil tindakan berkaitan 3. Menyediakan perancangan tahunan aktiviti pengurusan pelanggan di peringkat fakulti 4. Menetapkan <i>KPI</i> bagi setiap aktiviti yang dirancang dan memastikan pencapaiannya pada setiap bulan/ tahun 5. Menyediakan belanjawan aktiviti pengurusan pelanggan dan mengemukakan kepada Dekan pada Januari setiap tahun 6. Menyediakan pelaporan aktiviti pengurusan pelanggan peringkat fakulti setiap bulan atau mengikut keperluan

PERKARA	BUTIRAN
	- Menjalankan kajian pengukuran persepsi pelanggan (termasuk staf) terhadap persekitaran dan menganalisis hasil kajian - Menyelaras pengumpulan data, menyediakan laporan analisis di dalam pengukuran kualiti dan keberkesanan perkhidmatan pelanggan - Mengawal selia aktiviti yang dirancang agar dilaksanakan mengikut jadual - Melaksanakan penilaian keberkesanan aktiviti yang dijalankan dan menyediakan cadangan penambahbaikan - Menyerahkan senarai keanggotaan yang lengkap, jadual aktiviti, <i>gant chart</i>, minit-minit mesyuarat, laporan-laporan berkaitan kepada Dekan
Pelan Tindakan/ Inisiatif Lain	- Meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberi oleh setiap jabatan, unit dan juga pensyarah - Mengumpul dan menganalisis maklum balas dari Sistem eAduan Maklumbalas Pelanggan UiTM, SuFO atau lain-lain - Mewujudkan soal selidik, mengumpul dan menganalisis maklum balas daripada pelanggan misi, dalaman dan luar - Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada "climate survey", merancang strategi ke arah penambahbaikan - Berdasarkan hasil dari Sistem eAduan Maklumbalas Pelanggan UiTM, mengenalpasti latihan yang diperlukan untuk staf meningkatkan perkhidmatan yang diberi - Menganjurkan pertandingan yang menjurus kepada pengurusan pelanggan seperti Kaunter Terbaik atau lain-lain - Menjalankan <i>Survey</i> (Pelajar dan Pensyarah - "Mystery Shopper") - Mengadakan lawatan penandaarasan, jika perlu
Risiko Tadbir Urus	- Salah berkeputusan - Tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati - Mencemarkan imej Universiti - Keputusan tidak konsisten - Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit - Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod serta peralatan
Kekerapan Mesyuarat	Mesyuarat diadakan mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat	Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda Mesyuarat	- Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi - Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit - Pelaporan/ Isu - Hal-Hal Lain
Peraturan Mesyuarat	- Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat.

PERKARA	BUTIRAN
	- Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. - Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekananan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli boleh diwakilkan/ diganti. - Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). - Mesyuarat secara edaran dilaksanakan untuk perkara/ permohonan yang memerlukan keputusan segera sahaja dan kuorum mesyuarat adalah 2/3 kehadiran ahli penuh. - Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. - Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. - Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	- Manual Kualiti UiTM, 2013 <i>Quality Assurance and Enhancement Policy</i> UiTM - Dokumen Pelan Perancangan Strategik Fakulti 2015-2020 - Manual Pengguna Sistem eAduan Maklumbalas Pelanggan UiTM, 2010 - Pengurusan Perhubungan Pelanggan Sektor Awam, MAMPU 2015

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Mana-mana ahli yang dilantik oleh Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat, dalam ketiadaan Pengerusi
	Ahli-ahli	1. Timbalan Dekan (Klinikal) 2. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) 3. Timbalan Dekan (Pelajar) 4. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN) 5. Timbalan Pegawai Sains (Pejabat Penyelidikan) 6. Timbalan Pendaftar 7. Timbalan Bendahari Kanan/ Timbalan Bendahari/ Penolong Bendahari Kanan/ Penolong Bendahari (Pejabat Bendahari) 8. Ketua/ Wakil Staf Unit Klinikal 9. Ketua/ Wakil Staf ICT/ Infostruktur 10. Ketua/ Wakil Staf Fasilitas/ Infrastruktur; atau 11. Ahli-Ahli lain yang dilantik oleh Pengerusi
	Setiausaha	1. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Pentadbiran, Jaringan Industri dan Alumni) 2. Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran Fakulti
Punca Kuasa		Prerogatif Dekan
Penubuhan		01 September 2018
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan
Kuasa Melantik		Pengerusi, Ahli-Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Meneliti dan meluluskan belanjawan peringkat fakulti 2. Meneliti dan meluluskan permohonan kertas kerja berkaitan permohonan pembelian dan perolehan peringkat fakulti 3. Meneliti perkara-perkara lain berkaitan kewangan fakulti
Risiko Tadbir Urus		1. Salah berkeputusan dan tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 2. Mencemarkan imej Universiti 3. Keputusan tidak konsisten 4. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit 5. Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod serta peralatan
Kekerapan Mesyuarat		Mesyuarat diadakan mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat		Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda Mesyuarat		A. Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi

PERKARA	BUTIRAN
	B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Hal Ehwal Belanjawan D. Hal Ehwal Pembelian dan Perolehan E. Hal-Hal Lain
Peraturan Mesyuarat	- Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. - Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. - Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekenanan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli hendaklah sebagaimana yang telah termaktub dan tidak boleh diwakilkan/ diganti (kecuali infostruktur/ infrastruktur sahaja). - Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). - Mesyuarat secara edaran dilaksanakan untuk perkara/ permohonan yang memerlukan keputusan segera sahaja dan kuorum mesyuarat adalah 2/3 kehadiran ahli penuh. - Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. - Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. - Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Format adalah berdasarkan pekeliling/ garis panduan yang sedang digunakan
Format Pelaporan	Format adalah berdasarkan pekeliling/ garis panduan yang sedang digunakan
Dokumen Rujukan Utama	Semua dokumen rujukan yang digunakan oleh Pejabat Bendahari

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Pemangku Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk menguruskan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Timbalan Dekan (Klinikal) 2. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) 3. Timbalan Dekan (Pelajar) 4. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN) 5. Timbalan Pegawai Sains (Pejabat Penyelidikan) 6. Timbalan Pendaftar 7. Timbalan Bendahari Kanan/ Timbalan Bendahari/ Penolong Bendahari Kanan/ Penolong Bendahari (Pejabat Bendahari) 8. Ahli-Ahli lain yang dilantik oleh Pengerusi
	Setiausaha	1. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Pentadbiran, Jaringan Industri dan Alumni) 2. Pegawai Eksekutif Tertinggi/ Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Pentadbiran Fakulti
Punca Kuasa		1. Undang-Undang Malaysia: Akta Institut Teknologi MARA 1976 2. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan Ke 152 bertarikh 10 April 2007: Cadangan Penubuhan Tabung Pembangunan Pelajar Bagi Semua Fakulti Dan Kampus Universiti Teknologi MARA
Penubuhan		10 April 2007
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan
Kuasa Melantik		1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan sebagai Dekan) 2. Pengerusi Ganti, Ahli-Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
Kuasa dan Fungsi		1. Memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang di dalam Akaun Amanah berkenaan selaras dengan tujuan penubuhan akaun seperti yang dinyatakan dalam Arahan Akaun Amanah; 2. Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan Akaun Amanah berkenaan disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Arahan Akaun Amanah, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang berkaitan; 3. Meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun Amanah; 4. Meluluskan anggaran kewangan bagi menampung aktiviti dalaman/ luaran Fakulti yang menggunakan Akaun Amanah;

PERKARA	BUTIRAN
	- Memastikan bahawa Akaun Amanah berkenaan berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun; - Memastikan keperluan permohonan yang dikemukakan oleh Fakulti tidak dapat ditampung oleh Bajet Kumpulan Wang Pengurusan atau Pembangunan; - Memastikan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada perbelanjaan yang paling berhemah.
Risiko Tadbir Urus	- Salah berkeputusan - Tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati - Mencemarkan imej Universiti - Keputusan tidak konsisten - Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit - Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod
Kekerapan Mesyuarat	Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali (1) setiap bulan atau mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat	Pengerusi dan dua (2) orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat
Agenda Mesyuarat	- Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi - Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit - Permohonan Program Dalam Negara - Permohonan Program Luar Negara - Permohonan Pembelian/ Perolehan - Laporan Kewangan (Semua Tabung Amanah Fakulti) - Hal-Hal Lain
Peraturan Mesyuarat	- Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. - Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan mesyuarat. - Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekenanan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli hendaklah sebagaimana yang telah termaktub dan tidak boleh diwakilkan/ diganti. - Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). - Mesyuarat secara edaran dilaksanakan untuk perkara/ permohonan yang memerlukan keputusan segera sahaja dan kuorum mesyuarat adalah 2/3 kehadiran ahli penuh.

PERKARA	BUTIRAN
	5. Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. 6. Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. 7. Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	1. Setiap permohonan penganjuran program mesti disertakan dengan sesalinan cetak dan digital kertas kerja/ cadangan seperti contoh format berikut: A. Tujuan B. Latar Belakang C. Cadangan Program D. Objektif E. Impak Kepada Fakulti dan UiTM F. Peserta G. Jemputan/ VIP H. Aturcara I. Implikasi Kewangan J. Usaha Penjanaan Pendapatan/ Dana K. Penutup/ Kesimpulan 2. Setiap permohonan pembelian/ perolehan mesti disertakan sesalinan cetak dan digital kertas kerja/ cadangan seperti contoh format berikut: A. Tujuan B. Latar Belakang C. Cadangan Pembelian/ Perolehan D. Tujuan/ Objektif E. Impak Kepada Fakulti dan UiTM F. Rekabentuk/ Spesifikasi G. Kebertanggungjawaban dan Penyimpanan Harta/ Aset H. Implikasi Kewangan I. Penutup/ Kesimpulan
Format Pelaporan	Pelaporan bagi penganjuran program yang lengkap adalah seperti contoh format berikut: A. Pendahuluan B. Latar Belakang Program Yang Dijalankan C. Objektif dan Impak Kepada Fakulti dan UiTM D. Peserta dan Jemputan/ VIP E. Aturcara F. Laporan Perbelanjaan/ Kewangan G. Usaha Penjanaan Pendapatan/ Dana H. Penutup/ Kesimpulan I. Lampiran/ Gambar Program

PERKARA	BUTIRAN
Dokumen Rujukan Utama	1. Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) 2. Dasar dan Peraturan UiTM 3. Pekeliling dan Surat Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan Malaysia, Skim Perkhidmatan yang diterima pakai oleh universiti

1.0 PENDAHULUAN

Seiring dengan perkembangan pendidikan tinggi di Negara ini, perubahan yang signifikan ke arah penambahbaikan pengurusan akademik perlu dizahirkan bagi menjamin ketelusan dan kualiti. UiTM yang memikul gagasan sebagai sebuah institusi akademik di mana aktiviti akademik merupakan teras kelangsungannya, telah mengambil inisiatif merangka tadbir urus pengurusan akademik sebagai garis panduan dan rujukan rasmi pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan akademik di peringkat fakulti, pusat akademik dan kampus cawangan serta pihak-pihak yang berkepentingan. Tadbir urus ini telah didokumenkan sebagai sebuah dokumen rasmi Universiti bagi mendokong kelestarian akademik universiti.

2.0 ASAS TADBIR URUS

Tadbir urus akademik ialah mekanisma menjajar halatuju dan mengawal tindakan berkaitan hal-hal pembangunan serta pengurusan akademik universiti melalui proses membuat keputusan yang telus, cekap dan berkesan pada peringkat-peringkat tertentu. Peringkat itu termasuklah peringkat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Pejabat Naib Canselor, UiTM Cawangan, Fakulti, Pusat Akademik, Institut dan Pusat.

Tadbir urus ini dimantapkan dengan mengambil kira keperluan pelaksanaan proses autonomi di UiTM, di samping menghadapi cabaran perkembangan akademik pada masa hadapan tanpa mengabaikan tuntutan masyarakat umum terhadap produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Dalam konteks UiTM berautonomi, tadbir urus akademik perlu diperkasakan untuk merealisasikan konsep 1UiTM: Multisistem.

Tadbir urus akademik UiTM berautonomi ini amat signifikan kewujudannya, dengan objektif utamanya adalah untuk:

- (i) Menentukan hubungan dan kaedah pelaporan Jawatankuasa-Jawatankuasa di bawah satu LPU dan satu Senat.
- (ii) Menentukan terma rujukan, struktur fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Senat dan hubungannya dengan Senat.
- (iii) Mewujudkan saluran rasmi bagi segala perbincangan perkara-perkara akademik di peringkat UiTM Cawangan, Fakulti, Pusat Akademik, Institut dan Pusat sebelum diluluskan, diambil maklum atau disahkan di Senat.
- (iv) Menetapkan perkara-perkara yang boleh diputuskan pada sesuatu peringkat, dan yang boleh diperturunkan kuasa.
- (v) Jawatankuasa yang dibentuk di bawah peruntukan Seksyen 16A (8) dan (9), Akta UiTM 1976 (Akta 173) memainkan peranan penting dalam menilai dan mengkaji sesuatu cadangan dan mengemukakan syor untuk kelulusan dan pengesahan Senat.

Tadbir urus akademik ini dirangka berdasarkan kepada Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Senat merupakan badan akademik tertinggi dalam UiTM yang membuat syor kepada LPU tentang segala perkara yang berkaitan dengan pembangunan kurikulum baharu, penggubalan polisi dan prosedur akademik, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti akademik dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, peperiksaan dan pengurniaan ijazah bagi program-program akademik. Keanggotaan Senat adalah seperti yang diperuntukkan dalam Akta tersebut.

- Seksyen 16A subsekyen (8) memperuntukkan:
“Bagi maksud membolehkannya melaksanakan tugasnya dan menunaikan kewajipannya, Senat boleh melantik apa-apa jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggota-anggotanya dan juga mana-mana orang yang diko-opt sebagai anggota dengan syarat bahawa mana-mana orang yang diko-opt tidak mempunyai hak mengundi”

- Manakala subseksyen (9) pula memperuntukkan:
“Senat boleh mewakilkan mana-mana kewajipan, tugas atau tanggungjawabnya kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya”

Berdasarkan peruntukan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173), beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Senat dengan setiap jawatankuasa mempunyai fungsi dan skop tanggungjawab tersendiri. Fungsi setiap jawatankuasa dipastikan melangkaui fungsi pentadbiran (*beyond administrative functions*) dan tidak bertindih antara satu sama lain. Aspek penting dalam tadbir urus akademik ini, UiTM masih lagi kekal dengan satu Senat Universiti, meskipun UiTM Cawangan diberi status autonomi.

Tadbir urus akademik ini diterjemahkan melalui pewujudan carta struktur pengurusan akademik serta perincian terma rujukan Senat, sebagaimana yang termaktub dalam Akta 173, serta terma rujukan setiap jawatankuasa di bawah Senat. Nama-nama jawatankuasa berkenaan diselaraskan semula dengan mengambil kira kata nama ‘Lembaga’ digunakan secara eksklusif hanya untuk LPU sahaja bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Setiap jawatankuasa di bawah Senat dipengerusikan oleh Ahli Senat selaras dengan keperluan Seksyen 16A subseksyen (8) Akta Universiti Teknologi MARA 1976. Bagi Jawatankuasa Akademik UiTM Negeri (JAN), Rektor dikekalkan sebagai Pengerusi.

3.0 INSTITUSI TADBIR URUS

Secara amnya, di bawah tadbir urus akademik UiTM berautonomi, pengurusan akademik di Universiti beroperasi dalam tiga peringkat. Jawatankuasa di Peringkat 1 diberi kuasa dan diperkasa dari segi fungsi dan tanggungjawabnya dalam menjalankan kewajipan yang termaktub di dalam Akta 173 menerusi pewujudan Senat.

Senat berada di Peringkat 1 atau dipanggil Peringkat Strategik dipengerusikan oleh Naib Canselor dan sekretariat Senat ialah Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Empat (4) jawatankuasa di bawah Senat yang berkaitan akademik dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) adalah:-

- i) Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik (JKIPA)
- ii) Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU)
- iii) Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JIKU)
- iv) Jawatankuasa Induk Perpustakaan (JKIP)

Manakala dua (2) lagi jawatankuasa di bawah Senat yang menjalankan kuasa Senat dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan adalah:

- i) Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU)
- ii) Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU)

Senarai Jawatankuasa di bawah Senat adalah seperti berikut:-

Peringkat 1 (Strategik)	Peringkat 2 (Eksekutif)	Peringkat 3 (Operasi)
Senat	Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik Universiti (JKIPA)	▪ Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) ▪ Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) ▪ Jawatankuasa Kokurikulum (JAK) ▪ Jawatankuasa Penilaian Kumpulan Sains Kesihatan (JPKSK) ▪ Jawatankuasa Pembetulan & Pengemaskinian Keputusan Peperiksaan (JPPKP) ▪ Jawatankuasa Lantikan Akademia (JLA)
	Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU)	▪ Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) ▪ Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) ▪ Jawatankuasa Kokurikulum (JAK)
	Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JIKU)	▪ Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP) ▪ Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK)
	Jawatankuasa Induk Perpustakaan (JKIP)	-
	Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU)	▪ Jawatankuasa Harta Intelek & Pengkomersialan ▪ Jawatankuasa Etika Penyelidikan ▪ Jawatankuasa Etika dan Penjagaan Haiwan ▪ Jawatankuasa Pusat Kecemerlangan ▪ Jawatankuasa Komuniti Penyelidikan ▪ Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan

Peringkat 1 (Strategik)	Peringkat 2 (Eksekutif)	Peringkat 3 (Operasi)
		Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan Negeri
	Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU)	- Jawatankuasa Jaringan Industri Negeri - Jawatankuasa Jaringan Kebolehpasaran Pelajar Negeri <i>University Community Transformation Centre Committee (UCTCC)</i>

4.0 STRUKTUR TADBIR URUS

Dengan wujudnya sistem pengurusan akademik akan menjadi lebih jelas struktur tadbir urus ini dan teratur. Di samping setiap Jawatankuasa di bawah Senat dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Ini secara langsung akan meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan akademik universiti secara keseluruhannya.

4.1 SENAT (PERINGKAT 1 – STRATEGIK)

Senat hendaklah membuat syor kepada LPU tentang segala perkara seperti berikut:

- Kandungan dan penyusunan program pengajian Universiti;
- Kaedah pembelajaran, pengajaran dan latihan Universiti;
- Standard pembelajaran, pengajaran dan latihan Universiti;
- Kurikulum dan program pengajian Universiti;
- Penetapan kelayakan yang dikehendaki bagi penerimaan masuk ke program pengajian Universiti;
- Cadangan bagi penubuhan program pengajian baru atau penamatan mana-mana program pengajian sedia ada Universiti; dan
- Pengurniaan penghormatan akademik, *fellowship*, ijazah, diploma, sijil, hadiah, biasiswa dan kepujian akademik lain.

Senat bertanggungjawab mengesahkan keputusan penilaian akademik pelajar dan pengijazahan Kedoktoran, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Senat juga mempunyai kuasa untuk melantik jawatankuasa atau

jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggota-anggotanya dan juga mana-mana orang yang diko-opt sebagai anggota, dengan syarat mana-mana orang yang diko-opt tidak mempunyai hak mengundi.

Senat boleh menurunkan kuasa atau mewakilkan mana-mana kewajipan, tugas dan tanggungjawabnya kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya. Segala prosedur yang diwujudkan oleh Senat adalah tertakluk kepada Akta 173.

4.2 JAWATANKUASA INDUK (PERINGKAT 2 – EKSEKUTIF)

Terdapat enam (6) Jawatankuasa Induk di Peringkat 2 (Eksekutif) yang ditubuhkan di bawah Senat Universiti, iaitu:

i. Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik Universiti (JKIPA)

Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik Universiti (JKIPA) merupakan gabungan dua (2) Majlis yang memainkan peranan penting dalam tadbir urus akademik, iaitu Majlis Peperiksaan Universiti (MPU) dan Majlis Pengajian Siswazah (MPS). Fungsi utama JKIPA ialah untuk membincang dan mengesyorkan kepada Senat hal-hal berkaitan penilaian akademik pelajar, peperiksaan dan pengambilan pelajar pascaijazah. Sekretariat jawatankuasa ini ialah Institut Pengajian Siswazah (IPSis) dan Bahagian Penilaian Akademik (BPA).

ii. Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU)

Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU) bertanggungjawab untuk membincang dan meluluskan hal-hal berkaitan penyusunan semula kurikulum, penubuhan program baharu, penjumudan program sedia ada, dan lain-lain hal yang berkaitan dengan kurikulum program-program yang ditawarkan Universiti. Sekretariat jawatankuasa ini ialah Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK).

iii. Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JIKU)

Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JIKU) berperanan untuk merangka dan membangun dasar-dasar yang berkaitan dengan sistem pengurusan dan jaminan kualiti universiti. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memantau pencapaian prestasi kualiti dan inovasi universiti. Sekretariat jawatankuasa ini ialah Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA).

iv. Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU)

Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) bertanggungjawab untuk membincang dan membuat keputusan bagi syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa kerja berkaitan aktiviti penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersilan di UiTM. Jawatankuasa ini memaklumkan kepada Senat tentang dasar dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan, perundingan, inovasi dan komersil. Sekretariat jawatankuasa ini ialah Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).

v. Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU)

Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU) bertanggungjawab terhadap pencapaian, pemantauan, pelaksanaan keputusan yang berkaitan dengan jaringan serta perjanjian kerjasama antara universiti dan industri, masyarakat serta kebolehpasaran pelajar. Jawatankuasa ini berperanan untuk memaklumkan kepada Senat tentang maklum balas industri dan alumni terhadap produk universiti, mengesyorkan cadangan pembentukan polisi baru berkaitan hubungan industri, masyarakat dan kebolehpasaran pelajar. Sekretariat Jawatankuasa ini ialah Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN).

vi. Jawatankuasa Induk Perpustakaan (JKIP)

Jawatankuasa Induk Perpustakaan (JKIP) bertanggungjawab dalam hal pengurusan perpustakaan Universiti. Jawatankuasa ini merupakan badan utama yang berperanan membentuk dasar dan polisi Perpustakaan UiTM, membangunkan bahan perpustakaan, mengurus repositori Institusi Universiti, dan menyediakan perkhidmatan perpustakaan. Sekretariat Jawatankuasa ini ialah Jabatan Pengurusan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).

4.3 JAWATANKUASA OPERASI (PERINGKAT 3 – OPERASI)

Terdapat beberapa jawatankuasa Peringkat 3 (Operasi) di bawah Jawatankuasa Induk di bawah Senat. Jawatankuasa tersebut, antaranya adalah:

i. Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)/ Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi (JAP)/ Jawatankuasa Pusat Akademik dan Institut (JAI)

Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik di Fakulti, Pusat Asasi, Pusat Akademik dan Institut termasuk program akademik yang difrakaikan kepada UiTM Cawangan. Segala hal akademik yang dibincangkan di peringkat JAF akan dibawa sebagai syor ke JKIKU dan JKIPA bagi mendapatkan kelulusan, dan seterusnya sebagai pengesahan di Senat.

ii. Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN)

Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) berperanan untuk menguruskan hal ehwal akademik di UiTM Cawangan bagi program-program akademik selain daripada program fakulti yang beroperasi di cawangan tersebut. Fungsi utama JAN termasuk memastikan peraturan akademik UiTM sentiasa dipatuhi, menjaga mutu

kecemerlangan akademik, menghasilkan perancangan akademik selaras dengan halatuju UiTM Cawangan (seiring dengan visi dan misi UiTM), mengesyorkan pembangunan kurikulum yang bersesuaian dengan perancangan UiTM Cawangan dan melaksanakan operasi akademik secara cekap dan berkesan.

iii. Jawatankuasa Akademik Kokurikulum (JAK)

Jawatankuasa Akademik Kokurikulum (JAK) ialah jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) untuk mengawal selia hal ehwal kursus-kursus universiti yang mengandungi lapan (8) teras berikut: Sukan, Pengucapan Awam, Keusahawanan, Khidmat Komuniti, Kebudayaan & Kesenian, Daya Usaha & Inovasi, Kepimpinan dan Kesukarelawanan. Segala hal akademik yang dibincangkan di peringkat JAK akan dibawa sebagai syor ke JKIKU dan JKIPA bagi mendapatkan kelulusan, dan seterusnya sebagai pengesahan di Senat.

iv. Jawatankuasa Pembetulan dan Pengemaskinian Keputusan Peperiksaan (JPPKP)

Jawatankuasa Pembetulan dan Pengemaskinian Keputusan Peperiksaan (JPPKP) bertanggungjawab dalam menguruskan dan melaporkan hal ehwal pengurusan keputusan pembetulan dan pengemaskinian markah bagi Peperiksaan Akhir pelajar yang dikemukakan oleh JAF dan JAN. Segala hal keputusan peperiksaan yang dibincangkan di peringkat JPPKP akan dibawa sebagai syor JKIPA bagi mendapatkan kelulusan dan seterusnya sebagai pengesahan di Senat.

v. Jawatankuasa Lantikan Akademia (JLA)

Jawatankuasa Lantikan Akademia (JLA) bertanggungjawab membincangkan dan mengesyorkan kepada Senat berkenaan pengambilan ahli akademik luar seperti Profesor Pelawat, Pemeriksa Luar, Penasihat Akademik, Pasca kedoktoran, Profesor Adjung dan sebagainya yang dipohon oleh UiTM Cawangan, Fakulti,

Pusat Akademik, Institut dan Pusat ke arah pembangunan akademik, pembangunan kesarjanaan, jaringan dan peningkatan penyelidikan. Segala hal pelantikan yang dibincangkan di peringkat JLA akan dibawa sebagai syor ke JKIPA bagi mendapatkan kelulusan dan seterusnya sebagai pengesahan di Senat.

4.4 JAWATANKUASA PERINGKAT FAKULTI

Bahagian Hal Ehwal Akademik, Fakulti Pergigian merupakan nadi utama dalam pengurusan akademik UiTM di peringkat fakulti, yang berperanan melaksanakan dasar dan polisi secara keseluruhan bagi memantau proses pembangunan dan pengoperasian akademik. Tadbir urus Hal Ehwal Akademik di peringkat Fakulti Pergigian adalah seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF);
2. Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS);
3. Jawatankuasa Kecil Kurikulum Fakulti (JKKF);
4. Jawatankuasa Peperiksaan;
5. Jawatankuasa *i-Learn*;
6. Jawatankuasa Promosi;
7. Jawatankuasa *OBE-MQA*;
8. Jawatankuasa Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PROPENS);
9. Jawatankuasa Jadual Waktu Kuliah;
10. Jawatankuasa Latihan Industri Pelajar;
11. Jawatankuasa *Final Year Project (FYP)* Pelajar;
12. Jawatankuasa Tatatertib Akademik Pelajar (JTAP); dan
13. Mesyuarat Pengurusan dan Pentadbiran Akademik (MPPA).

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Pemangku Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk menggantikan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Timbalan Dekan (Klinikal) 2. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) 3. Timbalan Dekan (Pelajar) 4. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni/ ICEAN) 5. Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah 6. Ketua Pusat Pengajian (<i>Comprehensive Care</i>) 7. Ketua Pusat Pengajian (<i>Population Oral Health and Clinical Prevention</i>) 8. Ketua Pusat Pengajian (<i>Paediatric Dentistry and Orthodontics Studies</i>) 9. Ketua Pusat Pengajian (<i>Preclinical Science</i>) 10. Ketua Pusat Pengajian (<i>Periodontology</i>) 11. Ketua Pusat Pengajian (<i>Restorative Dentistry</i>) 12. Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Diagnostics Medicine</i>) 13. Ketua Pusat Pengajian (<i>Oral and Maxillofacial Surgery</i>) 14. Profesor (Tidak melebihi 3 orang, dilantik oleh Timbalan Naib Canselor [Akademik dan Antarabangsa] bagi tempoh 2 tahun) 15. Profesor Madya/ Pensyarah (Tidak melebihi 4 orang, dilantik oleh Timbalan Naib Canselor [Akademik dan Antarabangsa] bagi tempoh 2 tahun) 16. Koordinator dilantik oleh Timbalan Naib Canselor [Akademik dan Antarabangsa] bagi tempoh 2 tahun (jika perlu)
	Setiausaha	1. Timbalan Pendaftar 2. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pelajar)
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Hal Ehwal Akademik Fakulti
Punca Kuasa		1. Seksyen 16A(8) dan (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) 2. Senat ke-173, 09 Januari 2013 3. Lembaga Pengarah Universiti ke-131, 15 Januari 2013
Penubuhan		1983
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan
Kuasa Melantik		1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan sebagai Dekan) 2. Setiausaha, Ahli-Ahli dan Turut Hadir dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

PERKARA	BUTIRAN
Kuasa dan Fungsi	(a) Am 1. Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik di Fakulti termasuk program pengajian yang dijalankan di UiTM Cawangan. 2. Memastikan Peraturan Akademik sentiasa dipatuhi. 3. Memastikan mutu kecemerlangan akademik UiTM sentiasa dikekalkan. (b) Pengambilan dan Enrolmen Pelajar 1. Membincang dan menentukan enrolmen pelajar. 2. Membincang dan menentukan kaedah-kaedah untuk mempromosikan program sejajar dengan hala tuju Universiti. 3. Mengesahkan unjuran pengambilan pelajar bagi setiap sesi kemasukan baharu. 4. Membincang dan menetapkan syarat kelayakan program pengajian baharu dan memurnikan syarat kelayakan program sedia ada untuk disyorkan kepada Senat. 5. Membincang isu-isu semasa berkaitan pengambilan dan enrolmen pelajar. (c) Pembangunan Akademik 1. Membincang, meneliti dan mengesahkan penubuhan program-program baharu termasuk kandungan kursus dalam program. 2. Membincang dan menentukan halatuju program sedia ada. 3. Membincang dan meneliti cadangan penamatan program. 4. Mengenalpasti calon-calon lantikan akademia (profesor pelawat/profesor adjung, pemeriksa luar, dan sebagainya) yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan akademik Fakulti dan mengesyorkan kepada Senat untuk kelulusan. (d) Kurikulum 1. Membincang, meneliti dan mengesahkan cadangan pembentukan kurikulum baharu. 2. Membincang, meneliti dan mengesahkan cadangan semakan kurikulum sedia ada. 3. Meneliti dan mengesahkan parameter kursus (termasuk kod kursus, nama kursus, unit kredit, kesetaraan, perubahan dan pelupusan sesuatu kod kursus di dalam sesuatu program dan sebagainya). 4. Meneliti dan mengesahkan struktur pelan pengajian sesuatu program. 5. Meneliti dan mengesahkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) & Jadual Spesifikasi Projek (JSP). 6. Mengesyorkan cadangan-cadangan program baharu dan semakan kurikulum kepada Senat. 7. Membincang dan mengesyorkan perkara-perkara berkaitan komponen penilaian pelajar dalam kurikulum di semua peringkat pengajian. 8. Membincang dan menetapkan tindakan ke atas dapatan laporan audit dalam, laporan akademik luaran, laporan akreditasi dan laporan sendiri, serta laporan profesor pelawat pemeriksa luar.

PERKARA	BUTIRAN
	(e) Pengurusan Akademik Pelajar 1. Mempertimbangkan dan membuat keputusan atas permohonan pemindahan/ pengecualian kredit. 2. Membincangkan serta mencalonkan Anugerah Graduan Terbaik Program dan Fakulti termasuk pencalonan dari UiTM Negeri dan UiTM Cawangan. (f) Keputusan Penilaian dan Peperiksaan 1. Menerima dan meneliti keputusan peperiksaan pelajar program Pra Diploma, Diploma, Asasi, Sarjana Muda, Profesional, Diploma Lulusan Ijazah dan Pascasiswazah (kerja kursus) termasuk UiTM Cawangan, tetapi tidak termasuk UiTM Negeri, iaitu bagi: i. Peperiksaan Akhir 11. Peperiksaan Intersesi 111. Peperiksaan Khas (Keputusan peperiksaan pelajar bermaksud meliputi penilaian-penilaian akademik lain yang ditetapkan). 2. Meneliti dan membuat keputusan Rayuan Semak Semula dan mengesyorkan kepada Majlis Peperiksaan Universiti untuk pengesahan. 3. Meneliti dan mengesyorkan pembetulan keputusan peperiksaan akhir. 4. Meneliti dan mengesyorkan pengemaskinian keputusan peperiksaan akhir. 5. Memberikan Gred F atau gagal dengan status ZZ berdasarkan Peraturan Akademik. 6. Mengesyorkan keputusan peperiksaan kepada Majlis Peperiksaan Universiti untuk kelulusan dan pengesahan. 7. Membincang isu-isu pencapaian pelajar dan cadangan- cadangan penambahbaikan berterusan dan membentangkan kepada Majlis Peperiksaan Universiti. 8. Meneliti kes plagiarisma dan mencadangkan hukuman berdasarkan Garis Panduan Dasar Plagiarisma UiTM. 9. Menerima maklum hal ehwal pembangunan akademik dan menyelidiki pascasiswazah dari JAPS
Risiko Tadbir Urus	1. Salah berkeputusan 2. Tindakan undang-undang kerana ketidakpuasan hati 3. Mencemarkan imej Universiti 4. Keputusan tidak konsisten 5. Kebocoran Rahsia Universiti/ Maklumat Sulit 6. Kerosakan dan kehilangan dokumen dan rekod
Kekerapan Mesyuarat	Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali (1) setiap bulan atau mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat	Sekurang-kurangnya 2/3 kehadiran ahli penuh
Agenda Mesyuarat	A. Pendahuluan/ Ucapan Aluan Pengerusi B. Minit Mesyuarat Yang Lalu dan Perkara-Perkara Berbangkit C. Pengambilan dan Enrolmen Pelajar D. Pembangunan Akademik E. Hal Ehwal Kurikulum F. Pengurusan Akademik Pelajar G. Keputusan Penilaian dan Peperiksaan

PERKARA	BUTIRAN
	H. Hal-Hal Lain
Peraturan Mesyuarat	- Pengisytiharan Kepentingan - Jika Pengerusi atau mana-mana ahli mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana agenda, dia hendaklah mengisytiharkan jenis kepentingan itu dan perisytiharan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu telah dibuat. - Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana agenda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan mesyuarat. - Pelantikan Pengerusi/ Ahli Ganti - Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli mengikut kekananan jawatan untuk menjadi Pengerusi Ganti, dalam ketiadaan Pengerusi. - Ahli-Ahli hendaklah sebagaimana yang telah termaktub dan tidak boleh diwakili/ diganti. - Kehadiran Ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum mesyuarat dengan alasan yang munasabah, untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi (kecuali kecemasan kematian). - Mesyuarat secara edaran dilaksanakan untuk perkara/ permohonan yang memerlukan keputusan segera sahaja dan kuorum mesyuarat adalah 2/3 kehadiran ahli penuh. - Pengundian Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat hendaklah diputuskan melalui undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. - Rekod Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa minit tiap-tiap mesyuarat disimpan dan direkodkan dengan sempurna. - Keputusan Mesyuarat Pengerusi hendaklah memastikan bahawa keputusan mesyuarat dimaklumkan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.
Format Kertas Kerja/ Kertas Cadangan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada cadangan/ perkara yang ingin dibawa.
Format Pelaporan	Tiada format tertentu dan ianya bergantung kepada pelaporan yang ingin dibentangkan.
Dokumen Rujukan Utama	- Peraturan Akademik dan Manual Tadbir Urus HEA 2013 - Garis Panduan Dasar Plagiarisma UiTM - Minit-Minit Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti (MPU) - Minit-Minit Mesyuarat Majlis Kurikulum Universiti (MKU) - Minit-Minit Mesyuarat Senat - Minit-Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) - Manual Pengurusan Peperiksaan Akhir UiTM - Garis Panduan Kesetaraan Kualiti Penilaian Pelajar - Pekeliling-Pekeliling/ Peraturan Berkuatkuasa Berkaitan Akademik

PERKARA		BUTIRAN
Keahlian	Pengerusi	Dekan
	Pengerusi Ganti	Timbalan Dekan atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Dekan untuk menguruskan mesyuarat, dalam ketiadaan Dekan
	Ahli-ahli	1. Ketua Pusat Pengajian Siswazah 2. Koordinator Pengajian Siswazah Fakulti 3. Pensyarah Terkanan (Tidak melebihi 3 orang, yang mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan penyeliaan di Fakulti) 4. Pensyarah Terkanan 5. Pensyarah Terkanan
	Setiausaha	1. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar (Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pelajar) 2. Pegawai Eksekutif Kanan/ Pegawai Eksekutif (Bahagian Hal Ehwal Akademik)
	Turut Hadir	Mengikut keperluan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi
	Sekretariat	Bahagian Hal Ehwal Akademik, Fakulti Pergigian
Punca Kuasa		1. Seksyen 16A (8) dan (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) 2. Senat ke-121, 08 Januari 2009 3. Senat ke-173, 09 Januari 2013 4. Lembaga Pengarah Universiti ke-131, 15 Januari 2013
Penubuhan		1997
Tempoh Lantikan		Lantikan atas jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan
Kuasa Melantik		1. Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor (Pelantikan sebagai Dekan) 2. Pengerusi Ganti, Ahli-Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Dekan
